

13 MAY 2002

Isa-Nasihat

ANGGOTA SETIA KEPADA PARTI MESTI IKUT DAN SOKONG PEMIMPIN -- ISA

SEREMBAN, 13 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata anggota sesebuah parti yang setia, hendaklah mengikut dan menyokong pandangan pemimpin mereka.

"Saya tak mahu campur, tapi nasihat saya kalau anggota parti itu setia kepada partinya, mereka mesti ikut dan sokong apa pemimpin mereka kata," kata beliau ketika diminta mengulas adanya pertandingan dalam tiga daripada tujuh bahagian MCA di negeri ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan Neskop Farmasi Sdn Bhd di Wisma Koperasi Negeri Sembilan Berhad di sini hari ini. Neskop Farmasi adalah anak syarikat Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.

Mohamed Isa yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata, sekiranya anggota parti mengikut dan menyokong saranan pucuk pimpinan parti, mereka tidak akan rugi apa-apa.

"Saya rasa mereka tidak akan rugi apa-apa, malah ia baik untuk parti," katanya.

Beliau mengakui memang dalam perlembagaan sesebuah parti, semua anggota berhak untuk bertanding.

Tiga bahagian MCA yang menyaksikan pertandingan ialah Bahagian Seremban, Rasah dan Teluk Kemang pada pencalonan Sabtu lepas.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sokongan golongan muda terhadap Umno semakin bertambah, Menteri Besar berkata golongan muda seharusnya menyertai dan memberi sokongan kepada Umno kerana Umno yang mampu membawa kemajuan dan mengekalkan kepimpinan Melayu.

Malah, dalam kempen penambahan ahli yang dilancarkan sejak tahun lepas, Umno Negeri Sembilan telah berjaya menambah keanggotaan parti melebihi 10 peratus seperti yang dikehendaki, katanya.

"Dengan penambahan lebih 10 peratus itu, anggota Umno di negeri ini kini ialah 134,772 orang dan sebahagian besar anggota baru itu adalah generasi muda," katanya.

Mohamed Isa berkata beberapa tahun lepas, mungkin golongan muda terkeliru dengan beberapa isu yang berbangkit dan kerajaan tidak mempunyai cukup masa untuk menjelas perkara itu.

Katanya, generasi muda tiada sebab untuk menyokong pembangkang kerana melalui Umno mereka sentiasa diberi ruang yang cukup untuk menyuarakan pandangan mereka.

--BERNAMA

APG ZB